PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

PANDUAN AM
PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA AWAM

1. CARA MEMOHON

Pemohon hendaklah mengisi **BORANG PERMOHONAN KONTRAKTOR KERJA AWAM DAN ELEKTRIK (PKK NO: 001/05)** atau **BORANG PEMBAHARUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA AWAM DAN ELEKTRIK (PKK NO: 002/05)** yang berkaitan dengan lengkap.

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke Pusat ini beserta dengan fee proses **(bagi pendaftaran baru sahaja)** , bersesuaian dengan kelas yang dipohon, seperti berikut:

AKTA FEE 1951 PERINTAH FEE
(PENDAFTARAN KONTRAKTOR) 1984

KELAS	FEE PROSES (RM)	KELAS	FEE PROSES (RM)
A	100.00	D	50.00
B	100.00	E	50.00
C	100.00	F	50.00

Bayaran fee ini hendaklah dibuat melalui Deraf Bank, Perintah Juruwang, Kiriman Pos atau Wang Pos, atau Wang Pos Berpalang atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN KERJA RAYA**. Bayaran dengan wang tunai atau lain-lain cara tidak akan diterima.

Borang permohonan yang tidak disertakan dengan fee proses tidak akan didaftarkan dan akan dikembalikan.

2. TEMPAT MEMOHON

Borang Permohonan peserta dengan fee proses hendaklah dikemukakan ke Pusat ini seperti di alamat berikut:

(i) Untuk pendaftaran Kelas A, B dan C

i) Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Aras 5, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-88805200
Fax : 03-88805204

ii) Untuk pendaftaran Kelas IV

Pengarah Negeri,
Pusat Khidmat Kontraktor,
di mana pemohon menjalankan operasi perniagaannya.
(Sila rujuk **Lampiran A** untuk alamat penuh Pusat Khidmat Kontraktor Negeri)

3. KELAS PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah menyatakan Kelas pendaftaran yang hendak dipohon.

Kontraktor dibenarkan berdaftar dalam satu kelas sahaja.

Pendaftaran Kelas F adalah dikhaskan untuk syarikat perseorangan Bumiputera dan syarikat-syarikat yang 100% Bumiputera dari segi pegangan saham, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja.

Kontraktor yang berdaftar hanya dibenarkan menyertai tender yang dipelawa bagi kelas pendaftaran yang ianya didaftarkan.

Had kewangan (iaitu kos kerja) bagi satu-satu kelas pendaftaran adalah seperti berikut:

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 14 TAHUN 2002

KELAS	NILAI PROJEK (RM)		
A		Melebihi 10,000,000	
B	5,000,001	Hingga	10,000,000
C	2,000,001	Hingga	5,000,000
D	500,001	Hingga	2,000,000
E	200,001	Hingga	500,000
F		Sehingga 200,000	

4. KAWASAN OPERASI

4.1. Kerja Tender

4.1.1 Di Seluruh Negara

Syarikat yang berdaftar dalam kelas-kelas pendaftaran seperti berikut mempunyai kawasan operasi seluruh Negara:

i) Kelas A, B dan C
ii) Kelas D dan E yang bertaraf Bumiputera

4.1.2 Di Negeri Berdaftar Sahaja

Syarikat yang berdaftar dalam kelas-kelas pendaftaran berikut dibenarkan beroperasi di dalam negeri ianya didaftarkan sahaja:

Kelas D dan E

4.2 Kerja Undi, Sebutharga dan Requistion

Kontraktor kerja Kelas F dibenarkan menyertai kerja undi, sebutharga dan requisition hanya di dalam kawasan pentadbiran Daerah atau Wilayah Persekutuan yang ianya didaftarkan oleh PKK.

5. KEPALA DAN SUB-KEPALA (BIDANG KERJA)

Pemohon hendaklah menyatakan Kepala dan Sub-kepala yang hendak dipohon:

Kepala dan Sub-Kepala yang wujud dalam pendaftaran kontraktor kerja awam Pusat ini ialah:

Kepala I	-	Kerja Kejuruteraan Awam ***(Civil Engineering Works)***
Kepala II	-	Kerja Bangunan ***(Building Works)***
Kepala III	-	Kerja Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembersihan dan Kejuruteraan Air ***(Mechanical, Sanitary and Water Engineering Works)***
Kepala IV	-	Lain-lain Kerja Pakar Kejuruteraan Awam ***(Other Specialist Civil Engineering Works)***
Kepala V	-	Kerja Kuari, Membekal Logam dan Tanah Kerja Angkut dan Pengangkutan ***(Quarrying Metal and Earth Supply, Cartage and Transport)***
Kepala VI	-	Kerja Perhutanan dan Pembangunan Tanah ***(Forest and Land Development)***
Kepala VIII	-	Kerja Telekomunikasi ***(Telecommunication Works)***

Pecahan Kepala (tajuk) dan Sub-Kepala (tajuk kecil) kerja-kerja kontraktor kerja awam adalah seperti **Lampiran B.**

6. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

6.1 Perbadanan Syarikat Atau Perniagaan (Pendaftaran)

Sesebuah syarikat, koperasi atau perniagaan yang memohon untuk berdaftar dengan Pusat ini hendaklah terlebih dahulu diperbadankan di negara ini, iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pejabat Pendaftar Pembangunan Koperasi yang mana berkenaan.

6.2 Kedudukan Kewangan Syarikat

Pemohon hendaklah menyatakan modal berbayar/modal terkumpul syarikat. Definasi modal berbayar dan modal terkumpul syarikat adalah seperti di **Lampiran C**.

Sesebuah syarikat hendaklah memiliki modal minima seperti berikut untuk layak dipertimbangkan bagi kelas yang dipohon;

KELAS	MODAL BERBAYAR/MODAL TERKUMPUL MINIMA (RM)
A	**600,001**
B	**400,001**
C	**100,001**
D	**35,001**
E	**17,501**
F	**10,000**

6.3 Kelulusan dan Pengalaman Individu Dalam Syarikat

6.3.1 Kelulusan Individu

Syarikat yang memohon hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang berkelulusan teknikal di dalam syarikat, sama ada sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham atau kakitangan yang dibayar gaji dan dibayar caruman dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kelulusan teknikal yang diwajibkan adalah seperti berikut:

i) Kelas A dan B

Ijazah atau Diploma Lanjutan daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang yang ada kaitan dengan bidang kerja yang dipohon.

ii) Kelas C

Diploma daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang yang ada kaitan dengan bidang kerja yang dipohon.

iii) Kelas D, E dan F

Sijil kursus pemborong **(seperti Lampiran D)** dan/atau pengalaman kerja dalam bidang kerja yang dipohon.

iv) Kelulusan Tambahan

(a) Bagi bidang kerja Telekomunikasi (Kepala VIII), syarikat yang memohon mestilah mempunyai ahli pengurusan atau pekerja yang memiliki Sijil Kelulusan/ Surat Perakuan Kompetensi Kolej Telekom Malaysia sebagai " **Certifying Agency**"

(b) Bagi bidang kerja tertentu seperti disenaraikan di **Lampiran E**, syarikat yang memohon mestilah mempunyai ahli pengurusan atau pekerja yang memiliki lesen kerja (working licence) daripada Jabatan atau Agensi kerajaan yang berkenaan.

6.3.2 Pengalaman Individu

Syarikat yang mempunyai Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham dan Ahli Pengurusan Syarikat yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja yang dipohon hendaklah mengemukakan bukti-bukti pengalaman mereka.

6.4 Rekod Kerja Syarikat

Syarikat yang pernah menjalankan kerja dengan sempurna dan baik dalam tempoh masa 5 tahun sebelum mengemukakan permohonan pendaftaran hendaklah mengemukakan bukti kerja seperti berikut:-

(i) Surat tawaran kerja/ Inden kerja.

(ii) Sijil/ Perakuan siap kerja atau baucer bayaran bagi kerja-kerja sebutharga, undi atau requisition.

(iii) Surat perjanjian dengan kontraktor utama yang disetemkan semasa pelaksanaan projek berserta surat penerimaan tawaran tender dan sijil siap kerja yang dikeluarkan oleh pemilik kepada kontraktor utama , bagi kerja-kerja yang dilaksanakan secara sub-kontrak.

6.5 Loji dan Peralatan

(i) Syarikat yang memiliki loji atau peralatan sendiri hendaklah mengemukakan resit belian peralatan, buku daftar kenderaan atau lain-lain dokumen yang membuktikan hak milik loji dan peralatan berkenaan. Sila rujuk para 4 **Lampiran F**.

(ii) Syarikat yang memperolehi kemudahan sewaan atau sewa pajak loji dan peralatan hendaklah mengemukakan surat pengesahan sewaan atau sewa pajak daripada syarikat yang menyewakan loji atau peralatan berkenaan.

(iii) Surat "agency Right" atau surat sokongan pembekal peralatan mestilah disertakan bagi bidang kerja mekanikal (Kepala III). Sila rujuk **LAMPIRAN F**.

6.6 Ekuiti Asing

Syarikat yang mempunyai Ekuiti Asing (Ekuiti milikan bukan warganegara Malaysia) boleh berdaftar dengan pusat ini, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(i) Bagi syarikat perkongsian Bumiputera dan Asing, Ekuiti Asing di dalam syarikat tidak boleh melebih 49% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat dan majority Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja adalah Warganegara.

(ii) Bagi syarikat perkongsian Bumiputera, Bukan Bumiputera dan dan Bumiputra, Ekuiti Asing tidak boleh melebihi 30% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat dan Ekuiti Bumiputra pada masa yang sama tidak boleh kurang daripada 30% dari modal berbayar/modal terkumpul syarikat.

(iii) Ahli pengurusan syarikat yang terdiri daripada warganegara asing hendaklah memiliki permit kerja dari Jabatan Sumber Manusia atau Jabatan Imigresen.

(iv) Penyertaan syarikat yang memiliki ekuiti asing dalam tender adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling perbendaharaan Bil.2 Tahun 1995 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6.7 Penglibatan Dalam Syarikat-Syarikat Lain Yang Telah Berdaftar Dengan PKK

(i) Ekuiti

Permohonan pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana pemegang saham melebihi daripada 5% atau RM50,000 (yang mana terkurang) dalam syarikat yang memohon telah memiliki saham melebihi nilai dan peratusan di atas, dalam

mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai kontraktor kerja awam dalam kepala kerja yang sama seperti dipohon.

(ii) Ahli Lembaga Pengarah

Permohonan Pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana Ahli Lembaga Pengarah syarikat yang memohon memegang apa-apa jawatan eksekutif dalam mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai kontraktor kerja awam dalam kepala kerja yang sama seperti dipohon.

(iii) Ahli Pengurusan atau Kakitangan

Permohonan Pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana Ahli Pengurusan atau kakitangan syarikat yang memohon memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai kontraktor kerja awam dalam kepala kerja yang sama seperti dipohon.

6.8 Perubahan Ekuiti

Sebarang perubahan ekuiti seperti di para 6.8.1 dan 6.8.2, pendaftran syarikat dengan PKK akan terbatal dengan sendiri. Syarikat perlu mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya masih berminat untuk berdaftar dengan PKK.

6.8.1 Berlaku perubahan ekuiti (sama ada melalui pindah milik atau tambahan saham) yang mana jumlah saham yang dimiliki oleh **pemegang saham baru** adalah melebihi 49% daripada modal berbayar/terkumpul syarikat ATAU

6.8.2 Pemilik saham yang baru (sama ada perseorangan atau syarikat) telah menjadi pemegang saham individu terbesar di dalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major share holder) sedia ada yang sah semasa pendaftaran syarikat diluluskan oleh PKK.

7. FEE PENDAFTARAN

Syarikat yang permohonannya diluluskan akan dimaklumkan melalui surat tawaran pendaftaran. Di dalam surat ini dinyatakan Kelas Pendaftaran, Kepala dan Sub Kepala yang diluluskan. Juga dimaklumkan adalah jumlah fee pendaftaran yang mesti dijelaskan, bersesuaian dengan kelas pendaftaran yang diluluskan seperti berikut:

AKTA FEE 1951 PERINTAH FEE (PENDAFTARAN KONTRAKTOR)1984

KELAS	FEE PENDAFTARAN (RM)	KELAS	FEE PENDAFTARAN (RM)
A	**5,000**	**D**	**250**
B	**3,000**	**E**	**150**
C	**500**	**F**	**75**

Fee ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran, dibuat melalui Deraf Bank, Perintah Juruwang, Kiriman Pos atau Wang Pos Berpalang atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN KERJA RAYA**. Bayaran dengan wang tunai atau lain-lain cara tidak akan diterima.

Kegagalan menjelaskan fee ini dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan sendirinya membatalkan kelulusan yang diberi.

8. TEMPOH SAHLAKU PENDAFTARAN

Tempoh sahlaku pendaftaran adalah selama dua (2) tahun sahaja kecuali kelas F (3) tahun. Permohonan Pembaharuan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan sebelum luput pendaftaran**.

Permohoan Pembaharuan Pendaftaran yang diterima selepas tarikh luput pendaftaran tidak akan dipertimbangkan dan jika syarikat masih berminat untuk berdaftar dengan Pusat ini maka hendaklah mengemukakan permohonan baru pendaftaran.

9. PENGIKTIRAFAN BUMIPUTERA

Syarikat yang memohon Pengiktirafan Bumiputera hendaklah memenuhi syarat-syarat yang tercatat dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995 iaitu:

(i) Majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada hakmilik saham dimiliki oleh Bumiputera, **di mana pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;**

(ii) Majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada Ahli Lembaga Pengarah dipegang oleh Bumiputera;

(iii) Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurusan Besar dan jawatan-jawatan penting lain (key post) hendaklah dipegang oleh Bumiputera;

(iv) Majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja-pekerja terdiri daripada Bumiputera:

(v) Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh Bumiputera; dan

(vi) Carta Organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh Bumiputera.

Pemberiaan Taraf Bumiputera kepada syarikat yang layak adalah dalam bidang kuasa Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

10. DOKUMEN-DOKUMEN YANG MESTI DIKEMUKAKAN BERSAMA-SAMA DENGAN PERMOHONAN

10.1 Semua Pemohon

(a) Salinan kad pengenalan (salinan pasport bagi Warganegara Asing) serta tarikh lahir semua Ahli Lembaga Pengarah Syarikat, Pemegang Saham, ahli Pengurusan, Pegawai dan Kakitangan Syarikat.

(b) Salinan Penyata Caruman KWSP (Borang A) terakhir dengan salinan resit bayaran caruman yang berkenaan.

(c) Salinan sijil-sijil kelulusan Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham, Ahli Pengurusan, Pegawai dan Kakitangan Syarikat yang disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.

(d) Salinan Permit kerja dari Jabatan Sumber Manusia atau Jabatan Imigresen (yang telah disahkan) bagi ahli pengurusan syarikat yang terdiri daripada Warganegara Asing.

(e) Surat pengesahan pengalaman daripada Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham, Ahli Pengurusan, Pegawai dan Kakitangan Syarikat.

(f) Surat pengesahan bank atau institusi kewangan mengenai kemudahan-kemudahan kewangan yang diperolehi.

(g) Salinan penyata bank bagi Akaun Semasa untuk 3 bulan terakhir.

(h) Salinan pengesahan sewaan alat/loji dan surat pendaftaran kenderaan kepunyaan syarikat.

(i) Surat pengesahan sewaan alat/loji/kenderaan.

(j) Surat pengesahan kemudahan kredit bahan-bahan.

(k) Salinan yang disahkan surat penerimaan Tawaran Tender (Letter Of Acceptance), Works Order dan sebagainya serta salinan yang disahkan Sijil Siap Kerja ATAU Baucer Bayaran Akhir bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan

(l) Salinan yang telah disahkan dan bersetem perjanjian sub-kontrak dengan kontraktor utama (main contractor) bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan cara sub-kontrak, beserta dengan salinan yang telah disahkan surat Penerimaan Tawaran Tender dan Sijil Siap Kerja kepada kontraktor utama.

10.2 Syarikat Sendirian Berhad

(a) Salinan Borang 9 Perakuan Perbadanan dan Memorandum and Articles Of Association.

(b) Salinan yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):

i) Borang 'Annual Return of A Company Having A Share Capital' yang terakhir dan Borang 24 'Return of Allotment of Shares' bagi tambahan saham selepas 'Annual Return' yang berkenaan, ATAU

ii) Kesemua borang 24 'Return of Allotment of Shares' DAN kesemua salinan Borang 32A 'Pindah Milik Saham' yang disetem oleh Pejabat Setem, jika ada berlaku pindah milik saham.

iii) Borang 49 'Return Giving Particulars in Registration of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars' yang terakhir.

(c) Jika saham syarikat pemohon dipegang oleh syarikat lain, sertakan salinan borang 'Annual Return Of A Company Having A Share Capital' dan salinan Borang 24 syarikat tersebut (untuk tambahan saham selepas 'Annual Return' berkenaan, jika ada) yang telah disahkan oleh Suruhanjaya syarikat Malaysia (SSM)) dan nombor kad pengenalan mereka yang namanya tercatat di dalam borang tersebut.

10.3 Perniagaan Perseorangan dan Perkongsian

(a) Salinan Borang D pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sahlaku;

(b) Salinan surat perjanjian perkongsian yang dimeteri sersetem.

10.4 Lain-lain Dokumen

(a) Surat-surat sokongan daripada pengeluar/pembekal dalam bentuk 'Agency Agreement' atau 'Agency Right' bagi Kepala III yang dipohon seperti Para (1) dan (2) **Lampiran F**.

(b) Alamat, keluasan dan butir-butir pemilikan syarikat berkaitan:

Bengkel Perabot	-jika memohon Kepala II, Sub-kepala 7c, 7d
Bengkel Besi	-jika memohon Kepala IV, Sub-kepala 4b
Kuari	-jika memohon Kepala V, Sub-kepala 1
Tapak Semaian	-jika memohon Kepala VI, Sub-kepala 1

(c) Surat perakuan atau lesen yang berkenaan daripada Jabatan Kerajaan berhubung dengan Kepala dan Sub Kepala yang dipohon seperti di **lampiran E**.

11. PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KEBENARAN KHAS KONTRAKTOR KERJA

11.1 Jenis Kebenaran Khas yang Dibenarkan

(i) Naik satu kelas lebih tinggi;

(ii) Tambah Kepala/ Sub-kepala dalam kelas pendaftarannya;

11.2 Kriteria Mendapatkan Kebenaran Khas

11.2.1 Naik Satu kelas Lebih Tinggi

(i) Telah menyiapkan sekurang-kurangnya satu projek dalam kelas sedia ada atau;

(iii) Mempunyai modal yang sesuai dengan kelas yang dipohon;

(iv) Mempunyai semua Kepala/Sub-kepala yang diperlukan seperti di dalam tawaran;

(v) Mempunyai kakitangan teknikal untuk kelas 'C' ke atas dan mencarum dengan KWSP.

11.2.2 Tambah Kepala/Sub-Kepala

(i) Mempunyai Kepala/Sub-Kepala asas yang berkaitan dengan kepala/Sub-Kepala yang dipohon;

(ii) Syarikat/Ahli Lembaga Pengarah/Pengurusan berpengalaman dalam kerja berkaitan;

(iii) Mengemukakan surat perakuan/lesen/'agency right'/surat sokongan pembekal peralatan bagi Kepala atau Sub-kepala yang berkenaan.

11.3 Dokumen-dokumen yang diperlukan

(i) Surat permohonan Kebenaran Khas;

(ii) Keratan Iklan Tawaran ;

(iii) Salinan Sijil Pendaftaran yang masih sah;

(iv) Salinan Sijil Taraf Bumiputera;

(v) Salinan Borang A KWSP berserta resit bayaran; dan

(vi) Senarai kerja yang telah dan sedang dilaksanakan berserta salinan surat Setujuterima dan Sijil Siap Kerja (bagi permohonan Kebenaran Khas Naik Kelas).

11.4 Syarat-syarat Am

(i) Syarikat yang baru berdaftar dan belum ada pengalaman kerja tidak layak memohon. Pertimbangan henya akan diberikan kepada syarikat yang telah berdaftar tidak kurang daripada 6 bulan;

(ii) Syarikat sentiasa aktif menyertai tawaran;

(iii) Rekod kerja yang baik dan tiada cadangan atau tindakan tatatertib diambil ke atas syarikat;

(iv) Kebenaran Khas diberikan sekali sahaja pada suatu masa sehingga keputusan tender diputuskan oleh Lembaga Tender;

(v) Syarikat hendaklah memaklumkan keputusan/kedudukan tender yang dimasuki melalui Kebenaran Khas (kemukakan surat pengesahan daripada Agensi berkenaan);

(vi) Jika syarikat telah berjaya dalam tender yang menggunakan Kebenaran Khas, permohonan selanjutnya ditolak sehingga projek tersebut siap dan syarikat dikehendakki memohon Naik Kelas atau Tambah Kepala secara tetap bagi Kelas atau sub-kepala yang berjaya tersebut; dan

(vii) Semua permohonan hendaklah dihantar awal dan tidak lewat daripada 2 hari sebelum tarikh tutup membeli dokumen atau tarikh tutup tender.

ALAMAT DAN NOMBOR TELEFON PKK NEGERI

IBU PEJABAT

Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Kerja Raya Malaysia,
Aras 5 Blok Menara dan Podium, No. 18,
Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8880 5200
Faks : 03-8880 5204
Email : pkk@kkr.gov.my

MELAKA

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Melaka,
Tingkat 3, Bangunan UMNO,
Jalan Hang Tuah
75300 MELAKA

Tel : 06-2848244
Fax : 06-2823075

WILAYAH PERSEKUTUAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Wilayah Persekutuan,
Aras 5 Blok Podium, No. 18,
Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8880 5373
Faks : 03-8880 5339

PERAK

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 IPOH, PERAK

Tel : 05-2539529
Fax : 05-2540367

SELANGOR

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Selangor,
Tingkat 3, Fasa III,
Kompleks PKNS,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR

Tel : 03-55102959
Fax : 03-55190097

PERLIS

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Perlis,
Tingkat 9,
Bangunan Persekutuan,
Persiaran Jubli Emas,
01000 KANGAR, PERLIS

Tel : 04-9769029
Fax : 04-9768790

NEGERI SEMBILAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Sembilan,
Tingkat 3,
Wisma Persekutuan,
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Tel : 06-7651616
Fax : 06-7651618

KEDAH

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Kedah,
Wisma Persekutuan,
Aras G, Zon C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Anak Bukit
06550 BANDAR MUADZAM SHAH, KEDAH
Tel : 04-7001425/1426
Fax : 04-7306861

PULAU PINANG

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8, Bangunan Guna Sama Persekutuan
Jalan Anson,
10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG

Tel : 04-2264600
Fax : 04-2272500

PAHANG

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Pahang,
Tingkat 2,
Plaza Gambut,
Jalan Gambut,
25000 KUANTAN, PAHANG

Tel : 09-5132207
Fax : 09-5131614

KELANTAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Kelantan,
Tingkat Mezzanine,
Bangunan Sutera Inn,
Jalan Dusun Muda, Off Jalan Bayam,
15200 KOTA BHARU, KELANTAN

Tel : 09-7449223
Fax : 09-7487353

JOHOR

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Johor,
Tingkat 5, Blok B,
Wisma Persekutuan,
Jalan Air Molek,
80000 JOHOR BAHRU, JOHOR

Tel : 07-2238012
Fax : 07-2233839

TERENGGANU

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Terengganu,
Tingkat 3, Wisma Majlis Agama Islam,
Jalan Banggol,
20100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Tel : 09-6232911
Fax : 09-6225651

SARAWAK

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Sarawak,
Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93592 KUCHING, SARAWAK

Tel : 082-424850
Fax : 082-421080

SABAH

Pusat Khidmat Kontraktor,
Negeri Sabah,
Suite 5-04, Tingkat 5,
Menara MAA,
Peti Surat 41,
88000 KOTA KINABALU, SABAH

Tel : 088-267791
Fax : 088-267792

Lampiran B

KEPALA DAN SUB KEPALA UNTUK
PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA AWAM
DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

KEPALA I

KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam

Sub-Kepala 2
Jambatan, Jeti dan Struktur Kerja Laut

Sub-Kepala 3
(a) Struktur Penahan Air
(b) Empangan

Sub-Kepala 4
Pengorekan

Sub-Kepala 5
Sistem Pembentungan

Sub-Kepala 6
(a) Penerowongan
(b) Dinding Gegendang dan Tambatan pada Tanah

Sub-Kepala 7
Kerja-kerja Pengairan, Penyaliran Kawasan Banjir Dan Kerja-kerja Hidrokuasa
(a) Struktur Hidraulik
(b) Kerja-kerja Tanah
(c) Konduit Kuasa
(d) Rumah Kuasa

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Landasan Keretapi

Sub-Kepala 9
Penanaman Sesalur dan Pembinaan Peti Penyambung dan/atau Lurang Untuk Rangkaian Kabel Telefon

KEPALA II

KERJA-KERJA BANGUNAN

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Pembinaan Tidak Termasuk Struktur Rangka Konkrit Bertetulang

Sub-Kepala 2
(a) Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang Yang Tidak Melebihi (4) Tingkat
(b) Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang Yang Melebihi Empat (4) Tingkat

Sub-Kepala 3
Bangunan Kayu Pasang Siap

Sub-Kepala 4
Bangunan Konkrit Pasang Siap

Sub-Kepala 5
Bangunan Rangka Keluli

Sub-Kepala 6
Kerja-kerja Bumbung Berpaten

Sub-Kepala 7
(a) Lantai Paket dan Blok Kayu
(b) Kemasan Lantai dan Dinding yang lain
(c) Perabot Bina Dalam
(d) Pemasangan Tangga

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Penyelenggaraan
(a) Penyelenggaraan Sistem Kebersihan
(b) Pengecatan Semula dan Pembaikan Am Bangunan

Sub-Kepala 9
Pelbagai (Nyatakan)

KEPALA III

KERJA-KERJA KEJURUTERAAN MEKANIKAL PEMBERSIHAN DAN AIR (SEMUA SUB-KEPALA TERMASUK BEKALAN PERALATAN)

Sub-Kepala 1
(a) Sistem Penyaman Udara dan Pengalihudara
(b) Bilik Sejuk

Sub-Kepala 2
Lif dan Eskalator

Sub-Kepala 3
Pemasangan Paip dan Alat-alat Kebersihan

Sub-Kepala 4
Pemasangan Alat Pengepaman

Sub-kepala 5
Pemasangan Loji Pembersihan Kumbahan

Sub-Kepala 6
Pemasangan Loji Pembersihan Air

Sub-Kepala 7
Pemasangan Kelengkapan Memasak dan Dapur

Sub-Kepala 8
Pemasangan Kelengkapan Dobi

Sub-Kepala 9
Pemasangan Loji Dandang dan Kebuk Tekanan Tak Berapi

Sub-Kepala 10
Pemasangan Sistem Mencegah Kebakaran

Sub-Kepala 11
Pemasangan Sistem Penyampai

Sub-Kepala 12
(a) Kren Bagan
(b) Kren Workshop
(c) Unit Pengangkat Untuk Penyelenggaraan Bangunan

Sub-Kepala 13
(a) Pemasangan Loji Penghancuran dan Penapisan
(b) Pemasangan Loji Mencampur Asfalt

Sub-Kepala 14
Pemasangan Sistem Kawalan Pencemaran

Sub-Kepala 15
Pemasangan Kelengkapan Jentera Kilang Minyak dan Getah

Sub-Kepala 16
(a) Pembaikan dan Pemulihan Gerabak Keretapi Penumpang dan Gerabak Keretapi Barang
(b) Kerja-kerja Kimpalan Landasan Keretapi

Sub-Kepala 17
Pelbagai
(a) Pemasangan Sistem Pemampatan Udara
(b) Pemasangan Sistem Air Panas
(c) Pemasangan Sistem Gas Petrolium Cecair (LPG)
(d) Pemasangan Pensteril dan Autoklaf
(e) Pemasangan Gas Perubatan
(f) Pemasangan Alat Bakar Sampah
(g) Pemasangan Sistem Automatik untuk Bangunan
(h) Pemasangan Rak Bergerak
(i) Pemasangan Kelengkapan Makmal
(j) Pemasangan Peralatan Kolam Renang
(k) Pemasangan Alat Angkat Pintu Hidraulik
(l) Pemasangan dan Pembaikan Loji Jentera dan Kelengkapan

KEPALA IV

LAIN-LAIN KERJA PAKAR KEJURUTERAAN AWAM

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Tanah

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Cerucuk
(a) Konkrit Di Situ
(b) Konkrit Bertetulang Tuang Dahulu
(c) Konkrit Prategasan atau Pascategasan
(d) Keluli

(e) Kayu
(f) Sistem Berpaten

Sub-Kepala 3
(a) Kerja-kerja Penyalutan Berasfalt
(b) Kerja-kerja Permukaan Jalan Bitumen
(c) Kerja-kerja Membuat Isyarat dan Mengecat Jalan
(d) Kerja-kerja Membuat Pengadang Susur, Sawar, Penanda Batu dan kerja yang lain untuk jalan

Sub-Kepala 4
(a) Kerja-kerja Keluli
(b) Kerja-kerja Keluli Berpaten dan Pasangsiap

Sub-Kepala 5
Penyaliran Bawah Tanah

Sub-Kepala 6
(a) Pemasangan Sesalur Air
(b) Pemasangan Sesalur Minyak dan Gas

Sub-Kepala 7
(a) Pengerudian untuk air bawah tanah
(b) Kerja-kerja penyelidikan tanah
(c) Kerja-kerja kajian Geofizik

Sub-Kepala 8
Konkrit Bertetulang atau Tanpa Tetulang Tuang dahulu untuk Rusuk, Berbendul Jalan Pembetung dan Saliran

Sub-Kepala 9
Pembinaan Konkrit Prategasan atau Pascategangan

Sub-Kepala 10
Pelbagai
(a) Kerja-kerja Penurapan Tekanan
(b) Guniting
(c) Kerja-kerja Ujian yang tidak memberikan kesan pada anggota konkrit
(d) Kerja-kerja Sokong Bawah
(e) Kerja-kerja Serombong Stesen Kuasa

KEPALA V

KERJA-KERJA KUARI, MEMBEKAL LOGAM DAN TANAH, KERJA-KERJA ANGKUT DAN PENGANGKUTAN

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Memecah Batu dan Membekal Logam

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Menggerudi dan Meletupkan Batu Kuari

Sub-Kepala 3
Kerja-kerja Membekal Tanah

Sub-Kepala 4
Kerja-kerja Angkut dan Pengangkutan

KEPALA VI

PEMBANGUNAN HUTAN DAN TANAH

Sub-Kepala 1
Penyediaan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Pembersihan Hutan dan Penyediaan Tanah

Sub-Kepala 3
(a) Kerja-kerja Penanaman dan Penyelenggaraan Pokok
(b) Kerja-kerja Penanaman Semula dan penyelenggaraan Pokok

Sub-Kepala 4
Kerja-kerja Memungut dan Mengangkut Hasil Tanaman

Sub-Kepala 5
Kerja-kerja Pemulihan Hutan

Sub-kepala 6
(a) Kerja-kerja Seni Taman
(b) Kerja-kerja Penanaman Benih Berair

Sub-Kepala 7
Jalan Hutan

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Am Pertanian

Sub-Kepala 9
Pelbagai (Nyatakan)

KEPALA VIII

KERJA-KERJA TELEKOMUNIKASI

Sub-Kepala 1
(a) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian kabel Agihan
(b) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian Kabel Utama
(c) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian Kabel Simpang

Sub-Kepala 2
(a) Pemasangan Penaik Kabel Rangka Agihan Utama Peti Agihan Salur Bawah Lantai dan Kabel Telefon dalam Bangunan
(b) Pemasangan Sepasang Kabel Telefon dalam Bangunan

Sub-Kepala 3
Sistem Semboyan dan Perhubungan Keretapi
(a) Pemasangan Sistem Semboyan yang mengandungi Geganti Berkaitpanca dan Geganti Bongkah Automatik
(b) Pemasangan Sistem Perhubungan untuk Kawalan Pusat dan Laluan Tepi Stesen
(c) Pemasangan Sawar Elektrik Lengkap dengan Isyarat/Susur dan Penggera Lebuhraya

TERJEMAHAN DALAM BAHASA INGGERIS
HEAD AND SUB-HEAD FOR REGISTRATION OF
CONTRACTOR FOR WORKS

HEAD I

CIVIL ENGINEERING WORKS

Sub-Head 1
General Civil Engineering Works

Sub-Head 2
Bridges, Jetties & Marine Structures

Sub-Head 3
(a) Water Retaining Structures
(b) Dams

Sub-Head 4
Dredging

Sub-Head 5
Sewerage Systems

Sub-Head 6
(a) Tunneling
(b) Diaphragam Wall & Ground Anchors

Sub-Head 7
Irrigation, drainage and Flood Control Works
(a) Hydraulic Structures
(b) Earthworks
(c) Power Conduits
(d) Power Houses

Sub-Head 8
Railway Track Works

Sub-Head 9
Laying Duct and Contruction of Joint Boxes and/or Manholes For Telephone Cable Network

HEAD II

BUILDING WORKS

Sub-Head 1
Building Works Excluding Reinforced Concrete Frame Structures

Sub-Head 2
(a) Reinforced Concrete Framed Building Not Exceeding Four Storeys In Heights
(b) Reinforced Concrete Framed Buildings Exceeding Four Storeys In Height

Sub-Head 3
Prefabricated Timber Buildings

Sub-Head 4
Prefabricated Concrete Buildings

Sub-Head 5
Steel Framed Building

Sub-Head 6
Patent Roofing

Sub-Head 7
(a) Parquet and Wood Block Flooring
(b) Other Floor and Wall Finished
(c) Built-In-Furniture
(d) Joinery Fittings

Sub-Head 8
Maintenance Works
(a) Maintenance of Sanitary Systems
(b) Repainting and General Repairs of Buildings

Sub-Head 9
Miscellaneous

HEAD III

MECHANICAL SANITARY AND WATER ENGINEERING WORKS (ALL SUB-HEAD INCLUDE THE SUPPLY OF EQUIPMENT)

Sub-Head 1
(a) Air Conditioning Ventilation Systems
(b) Cold Room

Sub-Head 2
Lifts and Escalators

Sub-Head 3
Plumbing and Sanitary Installations

Sub-Head 4
Pumping Installations

Sub-Head 5
Sewege Treatment Plant Installations

Sub-Head 6
Water Treatment Plant Installations

Sub-Head 7
Cooking and Kitchen Equipment

Sub-Head 8
Laundry Equipment

Sub-Head 9
Boiler Plant and Unfired Preesure Vessels

Sub-Head 10
Fire Protection Systems

Sub-Head 11
Conveyor Systems

Sub-Head 12
(a) Quay Cranes
(b) Workshop Cranes
(c) Hoist Units

Sub-Head 13
(a) Crushing and Screening Plants
(b) Asphalt Mixing Plants

Sub-Head 14
Pollution Control Systems

Sub-Head 15
Oil/Rubber Mill Mechanical Equipment

Sub-Head 16
(a) Repairs and Rehabilitation of Railway Coaches & Wagon
(b) Welding of Rails

Sub-Head 17
Miscellaneous
(a) Compressed Air Systems
(b) Hot Water Installations
(c) LPG Installations
(d) Sterilizer and Autoclave Installations
(e) Medical Gas Installations
(f) Incinerators
(g) Building Automation Systems
(h) Mobile Shelves
(i) Laboratory Equipment
(j) Swimming Pool Installations
(k) Lifting Gear For Hydraulic Gates
(l) Installations and Repairs of Mechanical Plants Equipment

HEAD IV

OTHER SPECIALIST CIVIL ENGINEERING WORKS

Sub-Head 1
Earthworks

Sub-Head 2
Piling Works
(a) In-Situ Concrete
(b) Precast, Reinforced Concrete
(c) Prestessed or Post-Tensioned Concrete
(d) Steel
(e) Timber

(f) Patented Systems

Sub-Head 3
(a) Asphaltic Coatings
(b) Bituminous Road Surfacing
(c) Road Signs and Roads Paintings
(d) Guard Rails Barriers, Milestones, etc. for Roads

Sub-Head 4
(a) Steelwork
(b) Steel Work patented and Prefabricated

Sub-Head 5
Sub-Soil Drainage

Sub-Head 6
(a) Water Mains
(b) Oil and Gas Mains

Sub-Head 7
(a) Drilling For Underground Water
(b) Soil Investigations
(c) Geophysical Survey

Sub-Head 8
Precast Rainforced or non-reinforced Concrete Beams, Kerbs, Culverts and Drains

Sub-Head 9
Prestressed or Post-Tensioned Concrete Construction

Sub-Head 10
Miscellaneous-
(a) Pressure Grouting
(b) Guniting
(c) Non-Destructive test of concrete Members
(d) Underpinning
(e) Power Station Chimney

HEAD V

QUARRYING METAL AND EARTH SUPPLY, CARTAGE AND TRANSPORT

Sub-Head 1
Quarrying and Metal Supply

Sub-Head 2
Quarry Drilling and Blasting

Sub-Head 3
Earth Supply

Sub-Head 4
Cartage and Transport

HEAD VI

FOREST AND LAND DEVELOPMENT

Sub-Head 1
Establishment and Maintenance of Nursery Works

Sub-Head 2
Jungle Clearing and Land Preparations

Sub-Head 3
(a) Planting and Maintenance
(b) Replanting and Maintenance

Sub-Head 4
Harvesting and Transport

Sub-Head 5
Forest Regeneration Works

Sub-Head 6
(a) Landscaping
(b) Hydro Seeding

Sub-Head 7
Forest Roads

Sub-Head 8
General Agricultural Works

Sub-Head 9
Miscellaneous

HEAD VIII

TELECOMMUNICATION WORKS

Sub-Head 1
(a) Laying, Jointing and Testing or Distribution Cable Network
(b) Laying, Jointing and Testing or Mains Cable Network
(c) Laying, Jointing and Testing of Junction Cable Network

Sub-Head 2
(a) Installation of main Distribution Frame Cable Risers under floor Duct distribution Boxes and Telephone cable in the buildings
(b) Installations of one pair Telephone Cable within Sub-Scribers Premises

Sub-Head 3
Railway signaling and Communication Systems
(a) Installations of Signalling Systems Consisting of Relay Interlocking and Relay Automatic Blocks
(b) Installation of Communication Systems for Central Control and Wayside Stations
(c) Installation of Electrical Barriers Complete with Highway/Rail Signals and Alarm

Lampiran C

DEFINISI MODAL UNTUK TUJUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR KERJA DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

1. Bagi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat seperti Syarikat Sendirian Berhad atau Syarikat Berhad maka modal yang diambilkira adalah modal berbayar syarikat.

2. Bagi perniagaan-perniagaan yang berdaftar dengan pendaftar perniagaan sama ada perniagaan perseorangan (Perniagaan Tunggal) atau perniagaan perkongsian maka modal yang diambilkira adalah modal terkumpul perniagaan iaitu salah satu jumlah unsur-unsur berikut:-

   2.1 Purata baki terakhir untuk 3 bulan berturut-turut akaun semasa pemohon ,termasuk akaun ahli kongsi (mengikut peratus syer masing-masing)jika pemohon adalah sebuah perniagaan perkongsian. Atau penyata akaun simpanan bank pemohon .

   2.2 Simpanan Tetap pemohon termasuk simpanan tetap ahli kongsi) seperti simpanan dalam BSN, Tabung Haji dan Badan Kewangan yang lain yang dilesen oleh kerajaan. Simpanan Tetap hendaklah bebas dari cagaran. Simpanan tetap yang dicagar tidak diambilkira.

   2.3 Saham-saham pemohon (termasuk saham ahli kongsi) dalam ASN, ASB, Koperasi dan syarikat yang disenaraikan dalam BSKL. Semua saham-saham ini hendaklah bebas daripada cagaran. Saham yang dicagar tidak diambilkira.

   2.4 Kemudahan overdraf yang bercagar kepunyaan pemohon (termasuk kemudahan overdraf ahli kongsi). Dalam keadaan ini hanya baki overdraf yang belum digunakan iaitu baki purata 3 bulan overdraf sahaja diambilkira. Kemudahan overdraf yang tidak bercagar tidak diambilkira.

   2.5 Harta-harta tetap kepunyaan pemohon (termasuk harta tetap ahli kongsi) yang bebas daripada cagaran. Harta ini mungkin berupa rumah, tanah, peralatan atau loji. Harta ini hendaklah ditafsir oleh petaksir yang bertauliah. Nilai yang diambilkira ialah harga jualan terpaksa (forced sale value).

Lampiran D

KURSUS-KURSUS YANG DIIKTIRAF

1. Anjuran Kementerian Pendidikan

   Kursus Politeknik yang ada kaitan dengan bidang kerja yang dipohon.

2. Anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR)

   (a) Kursus Asas Pemborong Binaan Bumiputera dan /atau
   (b) Kursus Lanjutan Pemborong Binaan Bumiputera

3. Anjuran Kementerian Pertahanan

   (a) Kursus Asas Pemborong Binaan Bumiputera dan/atau
   (b) Kursus Lanjutan Pemborong Binaan Bumiputera

4. Anjuran Kementerian Belia dan Sukan yang ada kaitan dengan bidang kerja yang dipohon

5. Anjuran Kementerian Sumber Manusia

   Kursus Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan

6. Anjuran Pusat Dana Pengeluaran Negara (PDPN)

   (a) Kursus Program Latihan, Penyeliaan dan Pengurusan Binaan, atau
   (b) (i) Kursus Program Latihan, Penyeliaan dan Pengurusan Binaan atau
   (ii) Kursus memahami Pelan dan Penganggaran serta salah satu dari Empat Kursus berikut:-

   (1) Kursus Pengurusan Kewangan Pembinaan
   (2) Kursus Pengurusan Tapak Bina
   (3) Kursus Pengurusan Bahan Binaan
   (4) Kursus Pengurusan Modal Pusingan Pembinaan

7. Anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

   (a) Kursus anjuran Pusat Khidmat Kontraktor
   (b) Kursus Institut Kemahiran MARA (IKM) yang ada kaitan dengan bidang kerja yang dipohon
   (c) Kursus Asas Pemborongan Binaan Bumiputera (MARA)

8. Lain-lain kursus yang diiktiraf oleh PKK dari semasa ke semasa

Nota : Sijil Kehadiran tidak diiktiraf sebagai sijil kelulusan

Lampiran E

SURAT PERAKUAN ATAU LESEN YANG BERKENAAN DARIPADA JABATAN KERJAAN BERHUBUNG DENGAN KEPALA DAN SUB KEPALA BERIKUT

I/4	-	Lesen 'Dredge Master' daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (untuk 'dredges'jenis'bucket type'). Untuk jenis 'suction' tidak perlu 'Dredge Master'
II/8 (a)	-	Lesen 'Sanitary Plumbing' daripada Jabatan Pembetungan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
III/2	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP)
III/3	-	Lesen plumbing, sanitary, plumbing daripada Jabatan Bekalan Air Majlis Perbandaran masing-masing
III/7	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/8	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/9	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/10	-	Surat perakuan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat
III/12 (a)(b)(c)	-	Surat perakaun daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/17 (c)	-	Surat perakaun daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/17 (d)	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
III/17 (f)	-	Surat perakuan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
IV/6 (b)	-	Surat perakuan daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas
V/1	-	Lesen Pecahan Batu daripada Jabatan Galian
V/2	-	Lesen Letupan daripada Polis Di Raja Malaysia
VIII/1	-	Surat perakuan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
VIII/2	-	Surat perakuan daripada suruhanjaya Komunikasi dan multimedia Malaysia

Lampiran F

KEPERLUAN SURAT 'AGENSI RIGHT' ATAU SURAT SOKONGAN PEMBEKAL PERALATAN

1. Sub Kepala yang memerlukan surat 'agency right' untuk peralatan:

   III/2, 12 (a), 17(e), 17(g), 17(1), II/3, 4

2. Sub Kepala yang memerlukan surat sokongan daripada pembekal peralatan mekanikal:

   III, 1(a), 1(b), 4, 5, 6, 7, 8,9,10,12(b), 12(c),
   13(a), 13(b), 14, 15,17(a), 17(b), 17(c), 17(d), 17(f), 17(g), 17(k)

3. 'Patent Right' untuk sub-kepala II/6 dan IV/2(f)

4. Keperluan memiliki peralatan atau kenderaan berkaitan untuk sub kepala berikut:-

   1/4,1/6(b)
   IV/2 (c)
   IV/7(a), 7(b), 7(c)
   IV/9
   IV/10(a), 10(b), 10(c), 10(d)
   V/3, 4
   VI/4